

12/11/06

Dua pelajar lemas

m m 12/11/06

Oleh RAJMAH HASAN

HULU TERENGGANU

11 Nov. - Kegembiraan 12 pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun menghabiskan cuti hujung minggu berakhir dengan tragedi apabila dua daripada mereka mati lemas di kawasan air terjun Belukar Bukit, Kuala Berang, di sini petang ini.

Mangsa yang lemas dalam kejadian pukul 2.15 petang itu ialah Muhammad Hafiz Shafie, 18, dari Pengkalan Chepa, Kelantan dan Muhammad Syamil Rusli, 18, dari Kemasik, Kemaman.

Seorang lagi rakan mereka, Aqua Othman, 18, bagaimanapun berjaya diselamatkan.

Menurut salah seorang rakan mangsa, Zakaria Ngah, 18, ketika kejadian kesemua mangsa bersama lima yang lain sedang bermain tali dalam air.

Katanya, ketika itu empat rakan yang lain hanya duduk di tebing pasir.

"Tiba-tiba beberapa rakan menjerit meminta saya membantu Muhammad Hafiz dan



MUHAMMAD HAFIZ

Aqua yang mengalami masalah.

"Saya terjun ke dalam air dan cuba membantu Hafiz dengan melonjakkan mangsa ke permukaan air, namun oleh kerana panik, Hafiz menendang bahu saya.

"Kaki saya kejang disebabkan berada agak lama dalam air dan terpaksa berenang ke tebing," katanya ketika ditemui pemberita di Hospital Hulu Terengganu di sini hari ini.

Zakaria memberitahu, mereka adalah pelajar diploma tahun satu jurusan Kejurute-



MUHAMMAD SYAMIL

raan Elektrik Elektronik dan masih menduduki peperiksaan yang akan berakhir pada 26 November ini.

"Sepatutnya kami ada dua lagi ujian untuk subjek Matematik dan Fizik iaitu pada Rabu ini dan yang akhir 26 November ini," katanya.

Menurutnya, sebelum kejadian, mereka bertolak dari UiTM kira-kira pukul 10 pagi dengan sebuah kereta dan lapangan motosikal.

Sementara itu, seorang lagi pelajar, Syazwan Mazlan, 18, berkata, semasa kejadian beliau

berada di tebing dan cuba membantu dengan menghulurkan batang buluh kepada mangsa.

"Tetapi disebabkan arus kuat, Syamil gagal mencapai buluh yang hulurkan itu sebelum lemas. Syamil sebelum itu sempat menolak Aqua berhampiran tebing yang kemudian diselamatkan oleh orang ramai," katanya.

Mayat Muhammad Hafiz dan Syamil ditemui oleh penduduk kampung kira-kira pukul 4.15 petang di dasar sungai tidak jauh dari tempat kejadian sebelum dihantar Hospital Hulu Terengganu untuk bedah siasat.

Dalam pada itu, Aqua yang ditemui di Wad Melor hospital berkenaan kelihatan masih terkejut dengan tragedi yang menimpanya.

Aqua yang berasal dari Besut, enggan bercakap sebaliknya kelihatan termenung sambil seekali mengesatkan air mata.

Sementara itu, jurucakap Polis Daerah Hulu Terengganu ketika dihubungi mengesahkan pihaknya ada menerima laporan berhubung kejadian tersebut.